

**ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI MELAKA) 2008**

**PERATURAN-PERATURAN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI MELAKA) 2009**

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN LADANG UNGGAS

3. Permohonan lesen
4. Pengeluaran lesen
5. Fi

BAHAGIAN III

STANDARD AMALAN PERLADANGAN

6. Air minuman unggas
7. Rekod ladang

8. Kawalan penyakit
9. Biosekuriti
10. Ubat, racun dan bahan kimia
11. Vaksin dan program penyaksinan
12. Suci hama
13. Kebersihan
14. Pelupusan Sisa
15. Kawalan makhlok perosak
16. Kawalan Lalat
17. Kawalan Bau
18. Kawalan debu

#### BAHAGIAN IV

#### PELBAGAI

19. Melaporkan perubahan maklumat ladang
20. Kesalahan yang boleh dikompauan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAN KEEMPAT

# ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI MELAKA) 2008

## PERATURAN-PERATURAN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI MELAKA) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 32 Enakmen Perlindungan Unggas (Negeri Melaka) 2008 [*Enakmen 6*], Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan seperti yang berikut:

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Unggas (Negeri Melaka) 2009**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“biosekuriti” ertinya langkah-langkah kumulatif yang perlu diambil bagi menghalang penyakit disebabkan virus, bakteria, kulat, protozoa, parasit dan lain-lain daripada masuk ke dalam lading dan mencegah penularan penyakit oleh unggas, serangga, tikus, burung liar, haiwan termasuk haiwan liar, manusia, peralatan dan kenderaan dari ladang yang dijangkiti ke ladang-ladang berhampiran;

“Enakmen” ertinya Enakmen Perlindungan Unggas (Negeri Melaka) 2008;

“unggas” termasuk ayam, itik, angsa, ayam belanda, puyuh, merpati, ayam mutiara, burung unta dan burung emu daripada apa-apa jantina, umur, baka, generasi termasuk telur atau kacukannya dan mana-mana burung lain yang ditentukan oleh Pengarah melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah di bawah subseksyen 391) enakmen;

“pegawai pelesen” ertinya mana-mana pegawai diberi kuasa yang ditentukan oleh Pengarah di bawah subseksyen 3(3) Enakmen dan termasuk Pengarah;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya suatu lesen itu telah dikeluarkan dan termasuk mana-mana orang yang menjaga, atau menjalankan kawalan terhadap, sesuatu ladang unggas atau aktiviti yang berkaitan dengan unggas;

“Pengarah” ertinya Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka;

“rumput” termasuk semua jenis rumput, lalang, rumpai, pokok renek dan lain-lain pokok tetapi tidak termasuk pokok yang ditanam bagi tujuan perhiasan, teduhan, penampan dan pendapatan.

## BAHAGIAN II

### PELESENAN LADANG UNGGAS

#### **Permohonan lesen**

3. Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen perladangan unggas hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

#### **Pengeluaran Lesen**

4. Lesen yang dikeluarkan oleh pegawai pelesen hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Kedua.

#### **Fi**

5. Fi bagi lesen perladangan unggas adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

## BAHAGIAN III

### STANDARD AMALAN PERLADANGAN

#### **Air minuman unggas**

6. Pemegang lesen hendaklah menggunakan air dari sumber yang bersih atau air yang telah dirawat terlebih dahulu untuk digunakan sebagai minuman unggas.

#### **Rekod ladang**

7. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan rekod ladang yang lengkap yang mengandungi maklumat berikut:

- (a) sumber anak unggas;
- (b) sumber makanan;
- (c) kematian atau singkiran;
- (d) pemberian ubat atau vaksin;
- (e) maklumat kesihatan pekerja; dan
- (f) apa-apa maklumat lain yang ditentukan oleh pegawai pelesen.

(2) Rekod ladang hendaklah diselenggara dengan baik dan kemaskini dari semasa ke semasa.

#### **Kawalan penyakit**

8. (1) Pemegang lesen hendaklah memantau status penyakit di ladang mengikut jadual dan menyimpan rekod pemantauan penyakit yang lengkap dan kemaskini.

(2) Sekiranya berlaku wabak atau serangan penyakit di ladang, pemegang lesen hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Pegawai Veterinar yang terdekat dan mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai diberi kuasa.

#### **Biosekuriti**

9. Pemegang lesen hendaklah menyediakan prasarana biosekuriti asas seperti yang berikut:

- (a) seluruh kawasan sempadan hendaklah dipagarkan dengan pagar yang sesuai dan diselenggara dengan baik;
- (b) mewujudkan sistem kawalan keselamatan di pintu masuk ladang; dan
- (c) menyediakan kemudahan suci hama seperti pencelup atau penyembur tayar kenderaan dan pencelup kaki.

### **Ubat, racun dan bahan kimia**

10. (1) Pemegang lesen hendaklah—

- (a) menggunakan, mengendalikan dan menyimpan ubat, racun dan bahan kimia mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pengeluarnya;
  - (b) Menyimpan apa-apa ubat pada kuantiti yang menurut keperluan sebenar bagi apa-apa kegunaan dalam sesuatu tempoh masa sebelum tarikh luputnya;
  - (c) Menggunakan ubat, racun dan bahan kimia daripada jenis yang diluluskan oleh Kerajaan;
  - (d) Melupuskan apa-apa buangan ubat, racun dan bahan kimia mengikut peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya; dan
  - (e) Memastikan unggas dan karkas unggas yang dihasilkan tidak mengandungi residu (MRL) melebihi tahap yang dibenarkan mengikut peruntukan Akta Makanan 1983 [*Akta 281*].
- (2) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menyimpan atau mengguna ubat-ubatan seperti berikut:
- (a) Chloramphenicol, Nitrofurans, Beta-agonists; atau
  - (b) Lain-lain ubat yang ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa.
- (3) Bagi maksud Peraturan ini, kaedah bagi mengambil sampel untuk analisis kimia adalah seperti ditentukan oleh Pengarah.

## **Vaksin dan program pemvaksinan**

11. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan melaksanakan program pemvaksinan unggas.

(2) Vaksin yang sesuai dan diluluskan oleh Kerajaan sahaja boleh digunakan di ladang.

(3) Apa-apa bahan vaksin hendaklah disimpan, dikendalikan dan digunakan mengikut prosedur yang ditentukan oleh pengeluarannya.

## **Suci hama**

12. Pemegang lesen hendaklah memastikan reban dibersihkan dan disuci hama selepas setiap pusingan pengeluaran dan dibiarkan kosong untuk tempoh yang sesuai sebelum kumpulan unggas baru dibawa masuk ke dalam ladang.

## **Kebersihan**

13. Pemegang lesen hendaklah—

(a) menjaga kebersihan persekitaran dan premis ladang;

(b) memastikan rumput dan tumbuhan dalam kawasan ladang tidak melebihi 15 sm tinggi; dan

(c) memastikan sistem saliran reban dan ladang diselenggara dengan baik.

## **Pelupusan sisa**

14. (1) Pemegang lesen bertanggungjawab untuk—

(a) melupuskan dengan segera unggas mati dan sampah sarap di dalam ladang;

(b) memungut dan mengendalikan dengan cara yang betul karkas unggas untuk mengelak kemungkinan menjadi punca merebaknya penyakit; dan

(c) memastikan bahawa cara pelupusan karkas, unggas, sampah-sarap dan sisa ladang yang lain melalui proses rawatan sisa yang sesuai tanpa dilepaskan

terus ke dalam perairan daratan yang boleh menyebabkan pencemaran persekitaran atau mengganggu kesejahteraan awam.

### **Kawalan makhluk perosak**

15. Pemegang lesen hendaklah mengadakan prosedur kawalan makhluk perosak yang berkesan sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah.

### **Kawalan lalat**

16. (1) Pemegang lesen bertanggungjawab untuk—

- (a) memastikan supaya tahap infestasi lalat berada pada tahap tidak melebihi indeks 10;
- (b) Memantau infestasi lalat pada semua peringkat pemeliharaan unggas secara berkala;
- (c) Mengadakan langkah-langkah kawalan dengan segera jika bacaan indeks melebihi 10; dan
- (d) Memastikan apa-apa najis unggas sentiasa berada dalam keadaan kering bagi memastikan tiada larva dalam kawasan ladang.

(2) Pembuangan najis unggas hendaklah dilakukan dengan cara yang baik dan berkala bagi mengelak najis terdedah kepada unsure cuaca dan pembiakan lalat.

(3) Bagi maksud Peraturan ini, kaedah pengukuran infestasi lalat adalah seperti ditentukan oleh Pengarah.

### **Kawalan bau**

17. (1) Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab untuk—

- (a) menggunakan *effective microorganisms* atau suatu system kawalan bau yang ditetapkan oleh Pengarah;



(b) memastikan tahap gas ammonia ( $\text{NH}_3$ ) dalam reban hendaklah di bawah aras 20 bahagian persejuta (ppm); dan

(c) memastikan tahap gas hydrogen sulfide ( $\text{H}_2\text{S}$ ) dalam reban hendaklah di bawah aras 5 bahagian persejuta (ppm).

(2) Bagi maksud Peraturan ini, prosedur bagi mengambil sampel untuk analisa kimia hendaklah menggunakan alat pengesan tahap gas yang ditentukan oleh Pengarah.

### **Kawalan debu**

18. Pemegang lesen hendaklah memastikan debu dari ladang unggas tidak mencemar dan mengganggu kesejahteraan awam.

## **BAHAGIAN IV**

### **PELBAGAI**

Melaporkan perubahan maklumat ladang

19. (1) Mana-mana Pemegang lesen yang ingin melakukan perubahan kepada struktur atau kapasiti ladang atau perubahan lain dalam tempoh sah lesen hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Pengarah.

(2) Setelah menimbang dan berpuas hati dengan laporan pegawai diberi kuasa, Pengarah boleh meluluskan atau menolak permohonan tersebut.

### **Kesalahan yang boleh dikompaun**

20. (1) Kecuali bagi kesalahan di bawah seksyen 19 dan 20 Enakmen, Pengarah boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Enakmen dan Peraturan-Peraturan ini.

(2) Tawaran untuk mengkompaun sebarang kesalahan tersebut dan penerimaan tawaran hendaklah dibuat dalam Borang 3 Jadual Keempat.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 6, 9 dan Peraturan 3]

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI MELAKA) 2008

PERATURAN-PERATURAN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI MELAKA) 2009

BORANG 1

PERMOHONAN LESEN UNTUK MENJALANKAN PERLADANGAN UNGGAS

1. Maklumat Pemohon

Saya .....  
(Nama penuh dalam huruf besar)

Nama Syarikat: .....

No. Kad Pengenalan: .....

No. Pendaftaran Perniagaan/Perakuan Pemerbadanan: .....

Alamat surat-menyurat: .....

.....

No. Tel.: ..... No. Faks: ..... E-mail: .....

2. Maklumat Perladangan

Jenis Unggas: .....

Tujuan: Pedaging  Penelur  Baka  Penetasan

3. Maklumat Ladang

Alamat ladang: .....

.....

Keluasan Tanah (Hektar): .....

Kapasiti Ladang (Ekor): .....

Status Tanah: .....

Syarat Nyata Tanah: .....

4. Maklumat Aktiviti

Keupayaan pengeluaran: .....

Kapasiti pengeluaran: .....

Tarikh: .....

.....

Tandatangan Pemohon dan Cop Syarikat

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Tarikh permohonan diterima: .....

Keputusan permohonan: Diluluskan

Tidak diluluskan

Catatan: .....

.....

.....

Tarikh: .....

.....

Pegawai Pelesen

Permohonan hendaklah dibuat bersama dengan maklumat-maklumat berikut:

(a) pelan susun atur ladang unggas yang menunjukkan—

(i) jarak antara bangunan yang menempatkan unggas dengan sempadan tanah di mana ladang terletak atau akan dibina;

- (ii) dimensi dan reka bentuk bangunan ladang atau struktur lain ladang yang telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan; dan
  - (iii) lokasi tapak dan jarak yang menunjukkan jarak garis lurus dari rumah kediaman, sekolah, klinik, tempat ibadat dan lain-lain yang terdapat pada masa permohonan dibuat dalam jarak minimum 30 meter dari bangunan atau infrastruktur yang digunakan untuk ladang unggas;
- (b) salinan yang diperakui sah hakmilik tanah di mana ladang terletak atau akan dibina;
  - (c) sekiranya tanah bukan milik pemohon, satu surat persetujuan bertulis daripada tuan tanah yang berdaftar hendaklah diperolehi;
  - (d) salinan yang diperakui sah pendaftaran perniagaan atau perakuan pemerbadanan;
  - (e) salinan yang diperakui sah kad pengenalan pemohon;
  - (f) dua keping gambar pemohon berukuran passport; dan
  - (g) menyertakan sijil SALT (jika ada).

## JADUAL KEDUA


[Seksyen 9 dan Peraturan 4]

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI MELAKA) 2008

PERATURAN-PERATURAN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI MELAKA) 2009

### BORANG 2

LESEN UNTUK MEMELIHARA UNGGAS  
DAN MENJALANKAN AKTIVITI  
BERKAITAN UNGGAS



KOD LADANG: ..... TARIKH LUPUT: .....

Kebenaran diberi kepada:

Nama/Syarikat: .....

No. Kad Pengenalan: .....

No. Pendaftaran Perniagaan/Perakuan Pemerbadanan: .....

Alamat ladang/premis perniagaan: .....

.....

Kepada:

.....

Dengan kapasiti pengeluaran ladang .....

ekor di premis ladang atau kawasan ladang tersebut di atas sahaja.

Lesen ini tidak boleh dipindah milik.

#### SYARAT-SYARAT KHAS

.....

.....

.....

.....

Tarikh lesen dikeluarkan: .....

Fi lesen: RM.....

No. Resit: .....

.....

Pegawai Pelesen

\* Permohonan untuk memperbaharui lesen hendaklah dibuat tiga bulan sebelum tarikh luput lesen.

## JADUAL KETIGA

[Subseksyen 6(5) dan Peraturan 5]

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI MELAKA) 2008

PERATURAN-PERATURAN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI MELAKA) 2009

### FI LESEN

<i>Perkara</i>	<i>Fi (RM)/setahun</i>
1. Lesen Menternak	
1.1 Ayam/Itik/Angsa/Ayam Belanda/Ayam Mutiara	
(a) 1 hingga 500 ekor	Percuma
(b) 501 hingga 5,000 ekor	RM50.00
(c) 5,001 hingga 10,000 ekor	RM100.00
(d) 10,001 hingga 15,000 ekor	RM200.00
(e) 15,001 hingga 20,000 ekor	RM300.00
(f) 20,001 hingga 25,000 ekor	RM400.00
(g) 25,001 hingga 50,000 ekor	RM500.00
(h) 50,001 hingga 100,000 ekor	RM1,000.00
(i) 100,001 hingga 500,000 ekor	RM2,000.00
(j) 500,001 dan ke atas	RM3,000.00
1.2. Menternak Puyuh/Merpati	
(a) 1 hingga 999 ekor	Percuma

(b) 1,000 hingga 10,000 ekor	RM50.00
(c) 10,001 hingga 20,000 ekor	RM100.00
(d) 20,001 hingga 30,000 ekor	RM200.00
(e) 30,001 hingga 40,000 ekor	RM300.00
(f) 40,001 hingga 50,000 ekor	RM400.00
(g) 50,001 dan ke atas	RM500.00

### 1.3 Burung Unta/Emu

(a) 1 hingga 50 ekor	RM50.00
(b) 51 hingga 100 ekor	RM100.00
(c) 101 dan ke atas	RM200.00

## 2. Pusat Penetasan

### (a) Ayam dan itik

(i) 5,000 dan ke bawah	RM100.00
(ii) 5,001 hingga 50,000	RM500.00
(iii) 50,001 dan ke atas	RM1,000.00

### (b) Puyuh dan lain-lain unggas

(i) 5,000 dan ke bawah	RM50.00
(ii) 5,001 hingga 50,000	RM300.00
(iii) 50,001 dan ke atas	RM500.00

JADUAL KEEMPAT

[Subseksyen 29(2) dan subperaturan 20(2)]

ENAKMEN PENTERNAKAN UNGGAS (NEGERI MELAKA) 2008

PERATURAN-PERATURAN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI MELAKA) 2009

BORANG 3

TAWARAN KOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

.....  
.....  
.....

Rujukan:

Adalah terang dan nyata setelah membuat pemeriksaan saya dapati bahawa kamu telah melakukan kesalahan berikut:

.....  
.....  
.....

Peruntukan undang-undang yang berkenaan: .....

Tarikh: ..... Masa: ..... pagi/petang

Tempat: .....

Maklumat kesalahan: .....

.....  
.....



2. Tuan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa dalam menjalankan kuasa yang diperuntukkan kepada saya di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Melaka) 2008, saya bersedia dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan untuk sejumlah RM..... (Ringgit Malaysia .....)

3. Jika tawaran ini diterima, bayaran boleh dibuat melalui sama ada wang tunai/kiriman wang/wang pos/perintah kasyier/bank draf yang dibuat atas nama "Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka" dipalang dan ditulis "Akaun Penerima Sahaja". Pembayaran boleh dibuat secara diserahkan dengan sendiri di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka. Pembayaran yang dibuat melalui Pos hendaklah di alamatkan kepada "Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka". Resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran dibuat.

4. Tawaran ini akan luput pada ..... Jika pembayaran penuh jumlah yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum tamat tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah perbincaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan. Jika tidak, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh: .....

.....  
Pegawai Pelesen/Pegawai Diberi Kuasa

#### PENERIMAAN TAWARAN MENGGOMPAUN

Kepada:

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
Negeri Melaka  
Jalan Ayer Keroh, Hang tuah Jaya  
75450 Melaka

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun kesalahan di bawah rujukan .....

..... dan bertarikh: .....

Saya terima tawaran kompaun tersebut dan bersama-sama ini disertakan wang tunai/kiriman/wang pos/pesanan bank/bank dras no: .....  
sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia .....  
..... ) bagi menjelaskan bayaran kompaun ini.

Tandatangan: .....

Nama: .....  
(*Huruf Besar*)

No. K/P: .....

Alamat: .....

.....

.....

Tarikh: .....

Bertarikh 9 September 2009  
[JPV/PM-A/201; PUNM. 700-02/42]

.....  
MARIAM BINTI ILIAS  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Melaka*